

DALAM PERKARA MAHKAMAH MAJISTRET DI KUALA SELANGOR

DALAM NEGERI SELANGOR, MALAYSIA

WRIT SAMAN NO: BJ-A73KJ-80-08/2022

ANTARA

DAMODARAN A/L GUNASEKHRAN

(NO. K/P: 810711105795)

...PLANTIF

DAN

NOR AZLAN BIN TUNGGAL

(NO. K/P: 770703105097)

...DEFENDAN PERTAMA

NURUL WAHIDA BINTI MUHAMAD

(NO. K/P: 931110065426)

...DEFENDAN KEDUA

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Ini adalah keputusan Mahkamah pada 27/5/2024 yang telah menolak tuntutan Plantif dengan kos mengikut skala. Plantif tidak berpuas hati terhadap keputusan Majistret tersebut dengan memfailkan notis rayuan pada 4/6/2024.

A. Liabiliti

[2] Prinsip undang-undang mantap menyatakan bahawa beban pembuktian kecuaiian pada tahapimbangan kebarangkalian adalah di atas bahu plantif terlebih dahulu atas



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

imbangan kebarangkalian sepertimana kehendak Seksyen 101 Akta Keterangan 1950. Prinsip ini juga telah ditegaskan dalam kes **Wong Thin Yit v. Mohamad Ali [1971] 2 MLJ 175**:

In a negligence action, the onus of proof rests wholly on the plaintiff, whether or not the defendant gives evidence and the plaintiff cannot succeed without proof of the defendant's negligence.

[3] Versi plantif adalah pada 3/11/2017 jam lebih kurang 7.45 malam di Jalan Kuala Selangor-Kuala Lumpur, motorsikal plantif telah dilanggar oleh motorvan defendan semasa plantif sedang melintas jalan menolak motorsikalnya (sambil duduk di atas motorsikal) yang rosak. Manakala versi defendan pertama adalah pada 3/11/2017 jam lebih kurang 8.30 malam defendan pertama memandu motorvan menuju ke Ijok dari Kuala Selangor. Beliau nampak sebuah motorsikal hendak melintas dari sebelah kanan ke kiri. Defendan memperlahankan kenderaannya tetapi motorsikal plantif melanggar motorvan yang dipandu defendan.

[4] Panduan dalam menentukan dua versi yang berbeza dan dalam menentukan versi mana satu yang lebih berkemungkinan (inherently probable) telah dinyatakan di dalam kes **NOORIANI ZAINOL ABIDIN & ORS V. TANG LEI NGE [1990] 2 MLJ 242**. Mahkamah Rayuan dalam **KES AHMAD ZULFENDI ANUAR V. MOHD SHAHRIL ABDUL RAHMAN [2022] 9 CLJ 307** telah mengikuti prinsip yang diputuskan dalam kes **Noorianti (supra)** seperti berikut:

[17] We are mindful that this is consistent with the principle pronounced in the case of Noorianti Zainol Abidin & Ors v. Tang Lei Nge [1990] 1 CLJ 943; [1990] 2 CLJ (Rep) 545, where the High Court held that the court should not approach the case on the basis of deciding which of the conflicting versions ought to be believed - but rather to evaluate which account was inherently probable or improbable.

[5] Mahkamah mendapati wujud 2 versi yang bertentangan berkenaan bagaimana kemalangan berlaku. Maka, bagi menentukan versi yang lebih berkemungkinan (inherently probable) mahkamah perlu mengambil kira versi tersebut berdasarkan versi yang dihidkan yang mana keterangan - keterangan seperti gambar tempat kejadian, rajah kasar, sukatan tempat kemalangan dan kerosakan kenderaan yang terlibat boleh digunakan sebagai petunjuk dan panduan bagi menguji keterangan pihak-pihak.



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Dapatan dan Analisis Mahkamah

Percanggahan keterangan versi plantif.

[6] Bersandarkan kepada keterangan dan eksibit yang dikemukakan, adalah jelas bahawa plantif gagal membuktikan bahawa kemalangan yang berlaku terjadi akibat kecuaiannya defendan. Sepanjang kes plantif berlansung, plantif telah memanggil 2 saksi iaitu Pegawai Penyiasat (SP1) dan Plantif (SP2) manakala kes defendan hanya memanggil defendan pertama sahaja sebagai saksi (SD1).

[7] Versi kemalangan oleh SP2 iaitu plantif dalam keterangannya merujuk kepada penyata saksi (P33) jawapan no.5 menyatakan seperti berikut:

Apabila sampai di bukit rotan motorsikal saya rosak dan saya berhenti di bahu jalan dekat sebuah kedai runcit untuk cuba membaiki motorsikal. Saya gagal baiki dan saya ingin menolak motorsikal dan melintas jalan ke arah seberang. Selepas saya pandang kiri -kanan, saya nampak sebuah kenderaan datang dari arah jauh iaitu arah Kuala Selangor. Saya berasa selamat dan saya pun mula menolak motorsikal dan melintas jalan. Apabila saya sampai to lorong seberang, tiba-tiba sebuah motorvan melanggar saya dan saya jatuh.

[8] Selanjutnya, berdasarkan keterangan SP1 pula tiada bukti dikemukakan oleh plantif bahawa motor beliau sememangnya telah mengalami kerosakan sebelum kemalangan terjadi dan plantif telah membuat laporan polis di IPD Klang sebulan selepas kemalangan dan tiada penjelasan diberikan mengapa motornya tidak dibawa bersama.

[9] Lebih memburukkan keadaan, plantif hanya berjumpa SP1 pada 30.11.2018 jam 11.30 pagi bagi merakam percakapan dan siasatan ke atas motornya yang mana selepas setahun laporan dibuat baru motor dikemukakan di balai. SP1 memaklumkan bahawa beliau telah cuba hubungi plantif dalam tempoh setahun tersebut tetapi gagal mendapatkan sebarang maklum balas. Malah keterangan plantif kepada SP1 semasa siasatan adalah beliau sedang bergerak keluar simpang dari kiri rajah kasar menuju ke sime darby plantation. SP1 mengesahkan tidak tahu bagaimana boleh wujud berkenaan kedai selvam dan kerosakan motor plantif sebelum kemalangan berlaku. Menurut SD1 semasa pemeriksaan balas pula, beliau bersetuju terdapat deretan kedai di sepanjang jalan yang mana termasuk kedai selvam, akan tetapi mahkamah tidak ditunjukkan di mana lokasi sebenar deretan kedai tersebut berdasarkan rajah kasar mahupun gambar tempat kejadian. Oleh itu, mahkamah berpendapat segala dakwaan SP2 bahawa beliau menolak motornya yang rosak dari tandaan



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

X (bahu jalan) adalah jelas bercanggah dengan keterangan SP1 dan tidak mampu disokong oleh keterangan SD1, maka ianya jelas gagal dibuktikan.

Lokasi pertembungan.

[10] Berdasarkan keterangan plantif motornya telah dilanggar oleh van defendan semasa plantif sedang melintas jalan menolak motor (sambil duduk di atas motor) yang rosak. Beliau memaklumkan pertembungan motornya dengan van yang dipandu defendan berlaku di tandaan X1 yang dibuatnya di rajah kasar (P3). Malah SP2 memaklumkan bahawa sebelum melintas jalan tersebut beliau telah memastikan keadaan selamat dengan melihat kiri dan kanan jalan dan telah melihat sebuah kenderaan datang dari arah yang jauh dari Kuala Selangor.

[11] Mahkamah mendapati keterangan plantif ini adalah bercanggah berkenaan titik pertembungan kedua-dua kenderaan dengan laporan polis (P1) yang dibuatnya pada 9/12/2017 di IPD Klang Selatan iaitu lebih kurang sebulan lebih selepas kemalangan, yang menyatakan seperti berikut:

Kemudian saya pandang kiri kanan dan nampak sebuah motorkar no. BKD 205 datang dari jauh kiri jalan, sayapun menolak motorsikal dan melintas dari kanan ke kiri. Setelah sampai di bahu jalan motorkar tersebut melanggar motorsikal saya.

[12] Mahkamah mendapati semasa pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula SP2 berkenaan di mana pelanggaran berlaku adalah beliau agak berkecелaruan dalam memberikan jawapan yang pasti di mana sebenarnya beliau telah dilanggar samada di X1 ataupun Y atau sebenarnya di bahu jalan seperti yang didakwa plantif dalam laporan polis dan pernyataan tuntutan. Mahkamah mengambil maklum bahawa ini adalah kali pertama SP2 memberikan keterangan di mahkamah dan sudah pasti beliau gementar dalam memberikan keterangan. Walaubagaimanapun, mahkamah berpendapat percanggahan tersebut adalah material yang mana mahkamah ini perlu berhati-hati dalam menimbang keterangan SP2 dengan mengambil kira keterangan saksi-saksi lain dan bukti senyap. Mahkamah mendapati kredibilitinya adalah diragui dan penjelasan berkenaan percanggahan ini tidak boleh dipercayai.

[13] Menurut keterangan SD1 iaitu defendan pertama, pada 3/11/2017 jam lebih kurang 8.30 malam SD1 memandu van menuju ke Ijok dari Kuala Selangor. Beliau telah nampak sebuah motor hendak melintas dari sebelah kanan ke kiri. Defendan memperlahankan kenderaannya tetapi motor plantif melanggar van yang dipandu beliau. Berdasarkan rajah kasar, defebdab menunjukkan lokasi pertembungan adalah di tandaan Z. Selepas



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

kemalangan, defendan telah membuat laporan polis (P2) pada jam 9.21 malam iaitu lebih kurang 1 jam selepas kemalangan.

[14] Sehubungan itu, mahkamah meneliti rajah kasar (P3) yang disediakan oleh SP1 di mana beliau telah pergi ke tempat kejadian pada hari yang sama pada jam lebih kurang 11 malam iaitu lebih kurang 2-3 jam selepas kemalangan. Berdasarkan rajah kasar tersebut, tempat kejadian berlaku di laluan utama Kuala Selangor- Kuala Lumpur yang mempunyai 2 lorong iaitu bawah ke atas A1-A2 dari arah Kuala Lumpur manakala A2-A3 atas ke bawah dari arah Kuala Selangor dan lorong A6-A5 menuju ke Jalan Kampong Batu 1. Pada tandaan C rajah kasar menunjukkan terdapat pecahan komponen manakala tandaan T adalah kesan calar sepertimana ditunjukkan dalam gambar P5(r).

[15] Hasil siasatan SP1 menunjukkan kemalangan berlaku di lorong A2-A3 iaitu laluan sah defendan dan kesan serpihan komponen tandaan C pada rajah kasar adalah tidak begitu jauh dengan kesan calar (gambar P5r) yang berada di atas jalan raya tandaan T rajah kasar. SP1 telah bersetuju bahawa tandaan C bukan lokasi pertembungan kerana tiada serpihan kaca di situ malah berpendapat kebiasaannya beliau akan menjumpai kaca di lokasi pertembungan. Di samping, SP1 mengesahkan kesan (gambar P5p) pada garisan putus-putus tertumpu pada garisan tengah/pembahagi jalan ianya adalah kesan minyak dan bukan kesan darah. Tiada siasatan dilakukan samada kesan minyak tersebut berpunca daripada kemalangan tersebut.

[16] Dalam hal ini, mahkamah merujuk **KES NG AIK KIAN & ANOR V. SIA LOH SIA [1997] 2 CLJ** seperti berikut:

It is now well known that the position of the broken pieces of broken glass would show the point of impact or the ultimate resting place of the vehicle after impact. Past decision have shown that if broken pieces of glass from the headlamp of a vehicle are found scattered at a spot, then that point would be the point of impact for the simple reason that the broken pieces of glass from the headlamp would normally fall at the point of impact.

[17] Berdasarkan keterangan ketiga-tiga saksi, rajah kasar dan gambar tempat kejadian yang dikemukakan dan berpandukan otoriti kes di atas, mahkamah berpendapat titik pertembungan kedua-dua kenderaan bukan berlaku di bahu jalan seperti yang dinyatakan oleh SP2 dalam laporan polisnya dan pliding pernyataan tuntutan mahupun tandaan X1 seperti keterangannya tetapi ianya telah berlaku di lorong sah defendan iaitu A2-A3 yang merupakan laluan sah defendan di mana berkemungkinan besar antara tandaan Z dan Y. Namun tiada keterangan secara langsung yang menunjukkan di mana kedudukan tepat lokasi pertembungan tersebut.



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Kesan kerosakan kenderaan.

[18] Mahkamah mendapati jenis-jenis kerosakan motor plantif hanya bersandarkan kepada keterangannya di mahkamah dan disokong dengan laporan polis (P1) iaitu kerosakan di bahagian kiri tengah dan belakang. Tiada gambar kerosakan motor dikemukakan melainkan gambar kerosakan van yang dipandu defendan sahaja gambar P5 f sehingg P5k. Tambahan itu, SP1 bersetuju bahawa berkemungkinan berdasarkan kesan kerosakan motor seperti dalam laporan polis plantif kerosakan tersebut adalah konsisten dengan versi di mana motor plantif telah melintas hak laluan defendan.

[19] Oleh yang demikian, mahkamah mendapati kerosakan-kerosakan ini konsisten dengan versi defendan yang mana SP2 telah masuk ke laluan sah defendan dari sebelah kiri ke kanan lalu melanggar bahagian hadapan van apabila tiba-tiba melintas secara mengejut di hadapan defendan. Kemalangan tersebut tidak akan terjadi sekiranya plantif tidak cuai dan berhati-hati semasa melintasi laluan terus defendan terutamanya kejadian berlaku waktu malam dan hujan.

Kelajuan kenderaan defendan.

[20] Mahkamah mendapati kerosakan van defendan adalah teruk berdasarkan gambar kenderaan P5 f sehingg P5k semata. Semasa pemeriksaan balas SD1, beliau tidak bersetuju kenderaannya dipandu laju berdasarkan kerosakan tersebut. Dalam hal ini, mahkamah mendapati tiada laporan puspakom mahupun laporan kimia dikemukakan di mahkamah bagi menjelaskan kerosakan tersebut yang boleh membantu mahkamah memutuskan kenderaan defendan dipandu laju dan gagal memberhentikan kenderaan dalam jarak yang selamat.

[21] Sungguhpun begitu, mahkamah maklum bahawa plantif berhak untuk melintas dari simpang A5-A6 melintasi jalan A1-A2 dan A3-A4 untuk pergi ke Sime Darby Plantation kerana terdapat garisan putus-putus di garisan tengah kawasan tersebut. Plantif dalam laporan polis (P1) dan keterangannya di mahkamah menyatakan telah melihat sebuah kenderaan dari jauh, dan kemudian melintas kerana merasakan selamat berbuat demikian. Selanjutnya, SP1 bersetuju plantif telah melakukan kesalahan di bawah rule 3 (2) Road Traffic Rules 1959 (LN 166/1959). Malah kertas siasatan juga dibuka di bawah rule tersebut. Tetapi tiada saman dikeluarkan kerana beliau terlepas pandang atas kegagalan plantif untuk hadir selama setahun untuk berjumpa beliau, maka keputusan kes adalah RTM terlebih dahulu dan tidak muktamad.

[22] Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat plantif perlu bertindak dengan lebih berhati-hati dan memastikan jalan-jalan tersebut adalah benar selamat kerana mana-mana



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

kenderaan yang hendak keluar atau membelok keluar dari simpang, perlu memastikan arah perjalanan selamat dan bebas dari kenderaan lain yang bergerak terus. Ini juga bertepatan dengan **Section 25 Highway Code** yang menggariskan mengenai perkara yang sama iaitu:

A driver must stop if by so doing he can avoid an accident or even the risk of an accident. Often a driver sees a situation building up which may lead to an accident but goes obstinately on secure in the thought that he is in the right, until it is too late to take any effective action

Mahkamah turut merujuk kepada kes **MURUGAN V. LEW CHU CHEONG [1980] CLJU 49** yang memutuskan bahawa kenderaan yang menghalang laluan kenderaan lain tanpa memberi laluan adalah sepatutnya dipersalahkan sepenuhnya.

[23] Kendatipun, Mahkamah ini mempercayai bahawa Plantif mengalami kemalangan pada 3/11/2017 yang menyebabkan beliau menghadapi kecederaan sebegitu rupa yang dinyatakan dalam laporan perubatan. Walaubagaimanapun, Plantif gagal membuktikan bahawa kemalangan tersebut adalah berpunca daripada pelanggaran dengan motorvan yang dipandu oleh Defendan ketika Plantif sedang menolak motorsikalnya yang rosak untuk menyeberangi jalan. Pandangan mahkamah dari keterangan dan bukti yang ada, plantif yang menghalang perjalanan defendan. Plantif juga gagal mempraktikkan pemanduan yang lebih berhati-hati dan gagal mengelakkan kemalangan. Dalam keadaan dua versi bercanggah, mahkamah mengambil pendekatan bahawa versi yang lebih berkemungkinan adalah berpihak kepada defendan. Maka bagi isu liabiliti, mahkamah menolak tuntutan plantif dengan kos.

B. Kuantum (atas dasar 100%)

(i) Ganti rugi am

1) Closed Comminuted Fracture Midshaft Femur

[24] Bagi kecederaan ini mahkamah merujuk kepada kes **MUHAMMAD SHAHRUL EDRY B MOHD DARUS & ANOR V SHARMILIAH BT MOHAMMAD [2016] 2 PIR [7]** di mana sejumlah RM20000 diawadkan manakala merujuk kepada kes **THONG HON FAH V. VIKNESWARAN THANAPALAN [2004] 5 CLJ 415**, Mahkamah Tinggi menaikkan awad daripada RM30000 kepada RM40000 bagi kecederaan compound comminuted fracture of left femur with intercondylar extension. Maka, mahkamah berpendapat awad RM 28500 adalah berpatutan.

2) Abrasion wound over extensor aspect of left elbow 3cm x 4cm

3) Abrasion wound over right leg 1cm x 2 cm



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[25] Bagi kecederaan-kecederaan ini, Compendium of Personal Injury Awards (Revised as of 6 July 2018) mencadangkan awad antara RM1300 hingga RM5000 bagi kecederaan single to multiple. Mahkamah merujuk kepada kes **ABDUL HADI ABDUL ROZAK V. MOHAMAD ASYRAF MAT RAZI [2018] 2 PIR 23** di mana sejumlah RM3000 diawadkan bagi kecederaan multiple abrasions over the bilateral upper limbs and left foot. Bagi kes di hadapan mahkamah ini, kecederaan plantif adalah kecederaan yang membabitkan left elbow dan right leg. Maka, mahkamah berpendapat awad RM 4500 adalah berpatutan.

Oleh itu, jumlah keseluruhan adalah **gantirugi am adalah RM 33,000.00 sahaja.**

(ii) Ganti rugi Khas

[26] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa plantif perlu membuktikan dengan ketat apa jua ganti rugi khas yang dituntut. Mahkamah merujuk kepada kes Inggeris tersohor **BONHAM CARTER V. HYDE PARK HOTEL [1948] WN 89** yang acapkali telah dirujuk oleh mahkamah-mahkamah tertinggi mahupun mahkamah-mahkamah rendah di Malaysia yang memutuskan bahawa:

Plaintiff must understand that if they bring actions for damages it is for them to prove their damages; it is not enough to write down the particulars, and so to speak, throw them at the head of the court, saying, "This is what I have lost, I ask you to give me these damages". They have to prove it.

[27] Berpandukan kepada otoriti tersebut, berikut adalah gantirugi khas yang dibenarkan oleh mahkamah ini :-

- butir (d): RM 50.00
- butir (e): RM 40.00
- item (f): RM 80.00
- item (g): RM 653.00

C. Faedah & Kos

[28] Mahkamah merujuk kepada Aturan 42 Kaedah 12A KKM 2012 yang mana kecuali yang dipersetujui pihak-pihak, kadar faedah bagi awad mahkamah ditentukan oleh YAA Ketua Hakim Negara yang mana menurut Arahan Amalan Bil. 1 Tahun 2012 iaitu kadar faedah yang ditetapkan adalah sebanyak 5% setahun yang berkuat kuasa bermula 1 Ogos 2012. Berikut adalah faedah yang dibenarkan:



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

(i) faedah pada kadar 2.5% setahun atas ganti rugi khas yang dikira dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman;

(ii) faedah pada kadar 5% atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman hingga tarikh penyelesaian penuh;

Seterusnya kos mengikut skala di mana kos perlu dibayar Plantif kepada Defendan-Defendan.

Bertarikh pada 6 Jun 2024

Disediakan oleh:



SITI HAJAR BINTI ALI

Majistret

Mahkamah Majistret Kuala Selangor



S/N Q0xCBSM21kSYkRONdof0YQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal